

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tahap keseriusan lambakan ubat-ubatan palsu dan tidak menepati piawaian yang terdapat di pasaran Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Semua ubat-ubatan di Malaysia perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum ianya boleh dikilang, diimport atau dijual kepada pengguna. Ubat-ubatan berdaftar mempunyai nombor pendaftaran dan pelekat keselamatan hologram Meditag pada label serta memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan dari segi kualiti, keberkesanan dan keselamatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi membendung penjualan ubat-ubat yang tidak berdaftar, ubat palsu mahupun ubat yang tidak menepati piawai di pasaran. Secara umumnya,

masalah ubat palsu di pasaran Malaysia adalah kecil dan terkawal. Dianggarkan bahawa tahap kewujudan ubat palsu di pasaran Malaysia adalah antara 4–6% yang kebanyakannya terdiri daripada ubat perangsang seks (viagra dan ciallis) serta ubat–ubat am yang popular (Panadol, Vicks dan Eye-mo). Nilai ini diperolehi daripada beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini antaranya oleh Emerging Markets Health Networks (EMHN) pada tahun 2013 dan Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2009

Ubat yang kerap ditiru atau dipalsukan oleh syarikat atau individu yang tidak bertanggungjawab ini biasanya merupakan ubat penahan sakit, ubat perangsang seks, ubat untuk mengawal alahan/gatal-gatal, ubat titis mata, dan ubat yang boleh dibeli terus tanpa memerlukan preskripsi doktor. Hanya ubat yang popular dan mendapat permintaan tinggi dari orang ramai sahaja yang ditiru kerana ianya cepat dan mudah untuk dijual.

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Penguatkuasa Farmasi, KKM telah merampas sejumlah 33,704 perkara produk kesihatan tidak berdaftar dan menyalahi undang-undang bernilai RM 43.22 juta.. Sebanyak 52 daripadanya atau 0.19% adalah produk palsu. Rampasan ini adalah melibatkan aktiviti serbuan, pemeriksaan premis dan pemantauan di pintu masuk kastam. Bagi tahun 2014 pula sejumlah 43,594 produk tidak berdaftar telah dirampas dengan nilai pasaran RM 42.98 juta. Daripada jumlah ini sebanyak 70 produk atau 0.15% adalah produk palsu.

Tuan Yang Di-Pertua

Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga mengadakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna mengenai penggunaan ubat berdaftar. Tumpuan diberikan dalam aktiviti penyebaran maklumat dan pendidikan kesedaran tentang kawalan, penggunaan dan penjualan ubat dan kosmetik di pasaran serta bagaimana untuk membuat pilihan yang bijak. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti pameran interaktif, dialog serta ceramah dan melibatkan segenap lapisan masyarakat daripada pelajar, penjawat awam dan penduduk samada di bandar atau luar bandar.